

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 07.05.2025 MASA: 04.00PM

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN**

ABDUL HAMID

**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**SESI “TOWN HALL” DIALOG BAJET MBSP 2026**

BERSAMA AHLI MAJLIS

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**08 MEI 2025 (KHAMIS)**

**8.00 PAGI**

**THE LIGHT HOTEL, SEBERANG JAYA  
SEBERANG PERAI TENGAH**

## **Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

### **1. Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau  
Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa  
Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa

### **2. Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid**

Datuk Bandar Seberang Perai

### **3. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis Majlis Bandaraya Seberang Perai**

### **4. Yang Berusaha Encik Mohd Ibrahim Bin Md Nor Setiausaha Bandaraya**

### **5. Yang Berusaha Encik Shahrulnizad Bin Abdul Razak**

Pengarah Perbendaharaan Merangkap Penyelaras  
Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MBSP 2026 Bersama Ahli  
Majlis

### **6. Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

### **7. Rakan-Rakan Media**

### **8. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera serta Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam satu majlis yang amat penting, iaitu **Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MBSP 2026 Bersama Ahli Majlis**, suatu platform strategik yang membuktikan komitmen Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk mendengar, memahami dan mendokong aspirasi warga bandaraya ini melalui penglibatan Ahli Majlis secara langsung dalam proses penyediaan bajet.
  
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Penggerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi, atas kesudian Yang Berhormat meluangkan masa untuk bersama-sama kita dan seterusnya merasmikan sesi *Town Hall* pada pagi ini. Kehadiran Yang Berhormat amatlah bermakna dan memberikan suntikan semangat kepada seluruh warga pentadbiran MBSP.

3. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada barisan Ahli Majlis, Setiausaha Bandaraya, ketua-ketua jabatan serta para pegawai kanan yang turut hadir, menzahirkan komitmen tinggi terhadap agenda pembangunan lestari dan penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang di Seberang Perai.
  
4. Sesi dialog ini diadakan sebagai sebahagian daripada proses penyediaan Bajet MBSP 2026, dengan matlamat utama untuk:
  - a) Mengurangkan kos pengurusan;
  - b) Meningkatkan hasil Majlis; serta
  - c) Memantapkan kecemerlangan perkhidmatan kepada rakyat Seberang Perai.
  
5. Namun kita tidak dapat menafikan bahawa perancangan bajet pada hari ini semakin kompleks dan mencabar. MBSP, seperti mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan lain, sentiasa berhadapan dengan realiti semasa iaitu "*limited resources with unlimited needs and wants*"; sumber kewangan dan kapasiti yang terhad, tetapi dalam masa yang sama, permintaan dan harapan rakyat terhadap perkhidmatan yang lebih baik semakin meningkat saban tahun.

6. Di samping itu, kita turut berdepan dengan peningkatan kos mengurus yang ketara; termasuk pelarasan gaji penjawat awam, pelaksanaan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) serta peningkatan harga bahan api seperti diesel serta peningkatan kos utiliti iaitu bil elektrik dan bil air. Justeru, kita tidak mempunyai pilihan lain melainkan untuk berbelanja secara hemat, efektif dan efisien serta memastikan setiap peruntukan yang digunakan memberi pulangan berimpak tinggi kepada rakyat.
7. Sehubungan itu, pendekatan bajet berdasarkan keutamaan (*priority-based budgeting*) yang telah diterapkan selama ini akan diteruskan dan ditambah baik dalam penyediaan Bajet MBSP 2026, agar segala perancangan dan perbelanjaan kita adalah benar-benar berpaksikan keperluan yang lebih utama, berimpak dan menepati aspirasi rakyat.
8. Saya ingin memaklumkan bahawa proses libat urus telahpun bermula awal tahun ini. Input daripada Ahli Majlis telah dikumpulkan sepanjang tempoh 1 Februari hingga 28 Mac 2025, manakala soal selidik awam yang dilaksanakan kepada pemegang taruh utama (*stakeholders*) pada bulan Februari berjaya mengumpulkan sebanyak 3,189 maklum balas.

9. Ini merupakan bukti bahawa rakyat dan pemimpin komuniti bersedia untuk memberikan idea serta pandangan dalam memastikan pembangunan bandaraya ini lebih menyeluruh dan seimbang. Segala dapatan ini akan disaring, dianalisis dan dimasukkan ke dalam kerangka Perancangan Bajet dan *Corporate Priorities* MBSP 2026.
  
10. Adalah menjadi harapan saya agar Bajet MBSP 2026 yang bakal dibentuk nanti bukan sahaja mampu menangani cabaran semasa, tetapi juga mampu melonjakkan taraf kesejahteraan rakyat Seberang Perai secara mampan dan berterusan.
  
11. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas sokongan padu terhadap segala inisiatif MBSP. Semoga segala usaha dan iltizam kita pada hari ini akan membuka jalan ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang, pembangunan yang lebih lestari dan kesejahteraan yang lebih menyeluruh buat warga bandaraya Seberang Perai yang kita kasihi ini.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***